

# Empat nelayan warga asing ditangkap

HM 13/03/24

**Shah Alam:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor menahan sebuah bot nelayan bersama empat lelaki warga asing yang dikesan melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa kebenaran di sekitar perairan Pulau Ketam, kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Selangor, Kapten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata bot nelayan tempatan kelas C itu dikesan ketika melakukan aktiviti perikanan menggunakan pukat tunda di 17.5 batu nautika barat laut Pulau Ketam pada jam 7 malam menerusi Op Ehsan dan Op Tiris 3.0.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot itu dikendalikan empat kru termasuk tekong warga Myanmar yang berusia 26 hingga 39 tahun dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.



**MARITIM** Malaysia menahan bot nelayan asing di perairan Pulau Ketam.

"Kesemua warga asing dan bot dibawa ke jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut," menurut-

nya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan warga asing di atas kapal me-

angkap ikan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana menggaji kru warga asing tanpa permit sah.